

BAB 3

3.1 Perbadanan Pembangunan Multimedia (MDC) Sebagai Organisasi Pelaksana MSC

Organisasi merupakan satu unit sosial yang sengaja dibentuk untuk mencapai sesuatu matlamat dalam masyarakat dunia yang bertambah kompleks pada hari ini yang lebih menekankan rasionaliti, keberkesanannya serta kecekapan. Manusia tidak dapat lari daripada berorganisasi kerana organisasi merupakan alat yang paling sesuai untuk mencapai matlamat sedemikian. Tanpa organisasi, kemajuan manusia akan terbantut dan pentadbiran menjadi kurang cekap.

Teori tentang organisasi juga dibentuk untuk mengkaji organisasi secara lebih mendalam dan secara ekonomik. Asas kepada teori organisasi ialah mengenai kajian tentang struktur organisasi, proses bagaimana ia berfungsi, bagaimana cara individu dan kumpulan bekerja dalam organisasi boleh mempengaruhi organisasi dan bagaimana sebaliknya mereka pula dipengaruhi oleh ciri-ciri organisasi.

Manakala pengurusan pula merujuk kepada satu-satu kegiatan yang direkabentuk untuk meninggikan dan mengarahkan kerja-kerja atau tugas yang ditentukan. Lebih ringkas, pengurusan juga bererti bagaimanakah teknik-teknik untuk mengurus sesebuah organisasi.

Perbadanan Pembangunan Multimedia (MDC) telah ditubuhkan oleh kerajaan Malaysia pada tahun 1996 untuk menerajui pembangunan dan aplikasi MSC. MDC ialah sebuah perbadanan yang sentiasa berusaha untuk memastikan MSC bertaraf dunia dan mempunyai potensi tinggi dalam bidang ICT dan teknologi multimedia. Penubuhan MDC adalah bertujuan untuk memasikan syarikat pelabur multimedia memperoleh persekitaran pelaburan multimedia yang paling baik. Pada peringkat permulaan, syarikat ini ditubuhkan di bawah Akta Syarikat yang dimiliki oleh Khazanah Negara dan dibiayai oleh Kerajaan Persekutuan.

3.2 Proses Pembentukan Dan Perubahan Masyarakat Melalui Pelaksanaan MSC.

Proses pembentukan tidak berhenti pada satu keadaan sahaja. Begitu juga perkembangan pemikiran, idea, aliran dan falsafah. Terciptanya sesuatu yang baru sekarang ini bukanlah bermula dari tiada tetapi ia sebenarnya di beri pembaharuan yang lebih maju dan berteknologi. Di zaman sekarang tenaga elektrik menjadi keperluan utama manusia dalam kehidupan seharian. Ia menggerakan perkakasan elektronik sekaligus menjadi tenaga menghidupkan zaman teknologi. Rata-rata manusia mengaitkan teknologi dengan elektronik. Mungkin ianya berbeza 50 ataupun 100 tahun dahulu di mana pada zaman itu teknologi tidak berasaskan elektronik.

Menurut Alvin Toffler, manusia sekarang ini sedang melalui proses gelombang ketiga. Menurut beliau lagi, manusia telah melalui gelombang pertama yang melahirkan masyarakat pertanian dan gelombang kedua yang melahirkan masyarakat industri berat. Dan dalam gelombang ketiga ini tidak dapat dipastikan manusia sudah sampai ditahap mana. Peralihan yang berlaku dalam proses gelombang ketiga adalah hasil dari pembaharuan kehidupan, pemikiran, informasi serta konflik gelombang pertama dan kedua. Revousi ini memberi kesan yang kuat ke atas corak kehidupan moden sama ada sistem cara hidup atau pun nilainya. Revolusi ini juga mencetus perubahan serta anjakan dalam segala bidang.

Masyarakat maklumat sememangnya dikuasai oleh maklumat dan teknologi seperti masyarakat perindustrian dikuasai oleh jentera, injin pembakaran serta robot. Sekiranya demikian masyarakat maklumat pasti berbeza daripada yang ada sekarang kerana revolusi industri yang berasaskan maklumat, teknologi maklumat dan teknologi komunikasi akan melahirkan revolusi industri yang baru di mana kesannya tentulah lebih besar dan mendalam berbanding dengan revolusi abad ke 19.

Kin Bee Chee (1995), meninjau sikap penduduk Sepang terhadap pembangunan yang melibatkan 150 orang responden kajian mengaitkan sikap terhadap pembangunan

dengan pembolehubah bebas iaitu etnik, umur, taraf pendidikan, pendapatan dan pemilikan tanah. Hasil kajian menunjukkan orang Melayu mempunyai sikap yang positif daripada orang Cina dalam sikap terhadap pembangunan. Hasil kajian ini menunjukkan semakin tinggi pendidikan seseorang, maka semakin positif sikapnya terhadap pembangunan.

Melalui teknologi tinggi memungkinkan informasi bergerak tanpa had dan sempadan. Segala-galanya segera dan pantas di sebabkan keinginan manusia berkehendakan atau bertukar atau mengetahui maklumat dengan segera, pantas dan cepat amat tinggi. Maka melalui elektronik sesuatu maklumat dapat disalurkan dan di sampaikan dengan cepat. Seperti mana surat berpos pada hari ini bersaing dengan emel yang jauh lebih pantas. Malah profesyen, sosial, perniagaan, pendidikan dan sebagainya sudah boleh berlaku secara atas talian (*on line*) dan maya (*vitual*). Kemajuan ini mampu menjimatkan masa dan gunapakai tenaga. Transportasi dan transformasi bergerak dan berlaku dalam ruang siber atau maya yang tiada klafikasikasinya, hanya digerakkan oleh peralatan komputer.

Menurut Tengku Mohd. Azman Shariffaden (1996), pada masa kini MSC adalah inisiatif kebangsaan yang paling signifikan dalam perkembangan teknologi maklumat dan aplikasinya. Ia melibatkan teknologi yang canggih, infrastruktur yang maju, peluang pekerjaan dan perubahan paradigma dalam perkembangan budaya sosial.

Dalam zaman perkomputeran, perkakasan dan perisiannya adalah merupakan teknologi canggih yang utama yang mampu menyalurkan berjuta-juta informasi dalam masa yang sama. Maklumat ini disalurkan melalui jaringan atau internet. Maklumat internet sudah menjadi bahan rujukan manusia. Kepelbagai guna pakai internet di perluaskan di serata kawasan. Kepesatan dan kepenggunaan teknologi sudah dianggap universal dan membawa bersama implikasi jangka pendek atau jangka panjang, implikasi yang akan disedari sekarang atau pada masa yang akan datang. Kekuatan yang ada pada komputer ialah ia mampu memberi interaksi dua hala sama ada informasi dan lain-lain

kepelbagaiguna. Tidak seperti televisyen dan radio yang hanya memberi informasi satu hala dan begitu juga telefon dan faksimili yang hanya menjadi alat komunikasi sahaja. Sekecil mana keperluan sesuatu peralatan elektronik itu ia tetap menyumbang kepada aliran teknologi dunia. Teknologi tinggi dan baru ini mampu menjadi budaya hidup bagi generasi akan datang sebagai suatu keperluan.

Inovasi teknologi telah lama wujud sejak zaman gua lagi. Kita mungkin tidak menganggapnya begitu kerana kita tidak langsung melaluinya. Contohnya apa yang dicipta oleh manusia zaman batu seperti peralatan harian adalah suatu inovasi teknologi di masa itu bagitu juga di zaman pertanian dan di zaman industri. Dan dari masa ke masa inovasi teknologi ini berubah dan mengalami perubahan di sebabkan evolusi perkembangan dan pemikiran manusia yang menginginkan perubahan dan kemajuan. Ini menjadikan teknologi tinggi elektronik sebagai satu order baru dunia.

Dengan kesedaran ini dapat dilihat yang teknologi mampu menyumbangkan kepelbagaian pengalaman dan aktiviti manusia. Di mana boleh menjadi dan membina nilai artistik dalam keharmonian kehidupan masyarakat dunia. Walau pun keupayaan teknologi tinggi dapat mengatasi keupayaan manusia, tetapi ia masih tidak menyempitkan dan memisahkan nilai-nilai kemanusiaan.

3.2.1 Proses perubahan masyarakat sedia ada pada hari ini kepada masyarakat digital dan masyarakat bermaklumat.

Teknologi maklumat boleh ditakrifkan sebagai sebarang kaedah yang digunakan untuk memindah, menyebar dan memaparkan maklumat. Maklumat tersebut boleh wujud dalam pelbagai bentuk sama ada bentuk fizikal contohnya kertas dan buku, bentuk suara, paparan visual, pergerakan atau dalam bit. Perkembangan teknologi maklumat telah mencapai suatu tahap di mana ia menampakkan pengaruh tertentu dalam kehidupan manusia terutamanya penduduk bandar. Pada asalnya,

teknologi ini wujud sebagai satu perantaraan untuk mengedarkan pelbagai jenis maklumat untuk tujuan yang berlainan, contohnya bagi pengiklanan, pemberitahuan, telekomunikasi dan sebagainya.

Pada hari ini, kemodenan yang mempengaruhi Malaysia telah banyak memberi impak kepada seluruh rakyat, tidak terkecuali juga bagi mereka yang berada di kawasan luar bandar. Ini kerana berlakunya kepesatan pemindahan teknologi maklumat yang cepat tersebar. Penyebaran dan pemindahan teknologi maklumat yang pesat telah membawa perubahan yang besar ke atas aspek fizikal, ekonomi dan sosial melalui proses globalisasi. Aspek fizikal yang dimaksudkan di atas termasuklah corak penyusunan ruang bandar, rangkaian lalulintas dan pengangkutan, ruang “*virtual*” dan sebagainya.

Di samping itu, aspek sosial pula meliputi cara dan corak berinteraksi, pergerakan manusia, aktiviti manusia, cara hidup manusia, kualiti hidup manusia, taraf kesihatan manusia dan lain-lain lagi. Selain itu, rangkaian “internet” juga membolehkan pelbagai urusan perniagaan di jalankan secara “digital” dan ia mempunyai implikasi yang besar terhadap proses perbandaran pada masa akan datang.

Salah satu kesan yang ketara adalah pergantungan kepada bekalan elektrik. Ini kerana tanpanya segala peralatan teknologi-teknologi maklumat tidak dapat berfungsi, kecuali jenis yang menggunakan tenaga alternatif misalnya tenaga solar, angin, ombak, biojisim dan sebagainya. Namun, pergantungan yang lebih membimbangkan adalah dari segi kuasa ekonomi memalui pemindaha modal antarabangsa dalam jumlah yang besar. Ini seterusnya akan mempengaruhi corak gunatanah sesebuah bandar.

Gunatanah di kawasan bandar dipercayai akan mengalami perubahan yang ketara. Misalnya lebih banyak kawasan hijau dapat dikekalkan atau dibekalkan

berbanding dengan tempat letak kereta. Maknanya isipadu perjalanan boleh digantikan dengan aliran elektrik atau cahaya. Ini dapat mengurangkan tahap pencemaran bandar. Namun begitu, secara sosial manusia masih perlu menjalankan aktiviti yang tidak mungkin dapat digantikan oleh teknologi maklumat misalnya makan, rehat, berrekreasi, bersukan dan sebagainya. Perubahan cumalah dari segi cara aktiviti tersebut di jalankan dan apakah batasan serta halangan yang wujud akibat gelombang maklumat yang mempengaruhinya.

Tren ke arah membina masyarakat bermaklumat terus diamalkan di negara-negara seperti Amerika Syarikat, Eropah, Jepun, Australia dan Singapura. Negara-negara maju ini sedang mengkaji secara agresif pelbagai aspek industri IT, mengkaji rantai nilai dan menggunakan maklumat sedemikian untuk mempertingkat kebersaian masing-masing. Langkah-langkah seperti ini juga dapat dilihat dalam persekitaran Malaysia.

Malaysia merupakan negara yang pertumbuhannya telah dibentuk dan dibimbing dengan berhati-hati oleh pelan induk pembangunan lima tahun yang strategik. Pada masa ini kita sedang memasuki Rancangan Malaysia Ketujuh atau RM7 (Unit Perancangan Ekonomi; EPU, 1996). Wawasan 2020 berfungsi sebagai latar belakang muktamad kepada semua rancangan ini, iaitusatu agenda nasional yang menetapkan matlamat dan objektif tertentu bagi pembangunan jangka panjang (Abdul Hamid, 1993). Wawasan 2020 membayangkan bahawa Malaysia akan menjadi negara maju dan perindustrian sepenuhnya menjelang tahun 2020 dalam semua aspek. Untuk mencapai matlamat ini, Malaysia perlu mengatasi sembilan cabaran strategik (Mahathir, 1991):

- a) Mewujudkan rakyat Malaysia yang bersatu padu dengan perasaan mempunyai nasib yang sama dan dikongsi bersama.

- b) Mewujudkan masyarakat Malaysia yang bebas, selamat dan membangun secara psikologi.
- c) Memupuk dan membentuk masyarakat demokrasi yang matang
- d) Mewujudkan masyarakat yang benar-benar bermoral dan beretika.
- e) Mewujudkan masyarakat yang matang, liberal dan bertoleransi.
- f) Mewujudkan masyarakat yang siantifik dan progresif.
- g) Mewujudkan masyarakat yang benar-benar penyayang.
- h) Memastikan masyarakat yang adil dari segi ekonomi, yang mendapat pengagihan adil dan saksama dalam kekayaan negara.
- i) Mewujudkan masyarakat yang makmur dari segi ekonomi yang benar-benar bersaingan, dinamik, teguh dan mempunyai daya tahan.

Berhubung dengan semua pertimbangan ini, inisiatif IT yang ulung di negara iaitu MSC merupakan usaha terbaru Malaysia bagi mewujudkan industri multimedia terbaik di dunia (Perbadanan Pembangunan Multimedia; MDC, 1997a) MSC mempunyai objektif untuk merubah Malaysia untuk menjadi pepimpin serantau dan global dalam pembangunan dan aplikasi IT. MSC dilancarkan pada 1996 oleh bekas Perdana Menteri Tun Dr. Mahathir dan bertekad untuk menyediakan Malaysia untuk mengikut jejak langkah negara maju.

Mahathir (1997) menggambarkan koridor tersebut sebagai “hadiah daripada kerajaan kepada dunia”. Ia juga dianggap sebagai satu keperluan ekonomi bagi Malaysia.

3.2.2 Perubahan surirumah di kawasan bandar dan luar bandar ke arah masyarakat bermaklumat yang berteraskan IT.

Industri maklumat yang menjadi kuasa utama penggerak ekonomi abad ke-21 telah membuka banyak peluang pekerjaan baru kepada golongan wanita.

Kerja yang dimaksudkan ini bukan sahaja terhad kepada membuat pengaturcaraan yang hanya boleh difahami oleh komputer dan penganalisis sistem, tetapi menghasilkan maklumat yang boleh difahami oleh manusia, sama ada golongan pakar atau bukan pakar. Antaranya membangunkan laman web, mengarang dan melukis yang memerlukan bakat, kemahiran, latihan, kreativiti dan pengalaman.

Dalam era serba moden, yang dipentingkan ialah kekuatan intelek. Banyak wanita merebut peluang dalam perkembangan serba maju dan canggih ini untuk merealisasikan potensi mereka. Justeru ramai di kalangan mereka melanjutkan pelajaran keperingkat yang tertinggi sehingga menjadi pakar dalam bidang masing-masing dan mereka menggunakan peluang itu untuk mencetuskan perubahan yang menguntungkan golongan wanita sendiri. Sehubungan itu, teknologi komputer dalam era maklumat mempunyai kesan keperkasaan yang luar biasa dalam meningkatkan produktiviti yang sekaligus menaikkan status wanita.

Mengikut Mary Jo Langhore, et.al (1989), “*computer literacy might be conceptualized as having three components: knowledge about computer, knowledge of computer application and knowledge about social issues pertaining to computer*” .

Kajian mendapati wanita, terutamanya di negara-negara maju kini mula mempunyai satu kuasa utama dan pengaruh yang kuat dalam internet. Banyak keputusan-keputusan yang dibuat dalam urusan-urusan on-line seperti pembelian perabot, pembelian runcit, pemilihan tentang penjagaan kesihatan serta keputusan-keputusan tentang tabungan dan pelaburan yang kebanyakannya dilakukan oleh wanita.

Wanita juga telah semakin banyak menggunakan internet dengan dianggarkan seramai 96.6 juta bilangannya berbanding dengan 116.9 juta

pengguna internet lelaki iaitu 45% daripada pengguna internet secara global.

Manakala mengikut kawasan atau rantau pula adalah seperti berikut:

Negara	Wanita (juta)	Lelaki (juta)
Asia Pasifik	18.3	27.6
Eropah	19.8	29.7
Timur Tengah	0.19	1.1
Amerika Utara	56.6	53.6
Amerika Selatan	1.1	2.7
Afrika	0.64	1.6

Jadual 3.2.2.1: Taburan Pengguna Internet Mengikut Kawasan.

Sumber: Majalah Remaja, Julai 2003

Golongan wanita yang menggunakan internet bukan sahaja mencari maklumat untuk kegunaan sendiri ataupun membuat pembelian untuk dirinya, tetapi juga membuat pilihan dan keputusan bagi pihak ahli-ahli keluarga. Ini bererti, kesan limpahan daripada seseorang wanita menggunakan internet itu adalah meluas dan jika mana-mana portal itu berjaya untuk memenuhi kehendak dan cita rasa wanita dalam pelbagai bidang, aktiviti dan usaha maka, kesannya adalah tinggi.

Di Amerika Syarikat, 70% wanita dipertanggungjawabkan untuk mengurus kewangan keluarga seperti membayar bil bulanan, membeli belah untuk seisi keluarga, merancang percutian keluarga dan membuat simpanan di bank. Oleh sebab itu teknologi tele-pembelian dan tele-perbankan cuba menjadikan wanita sebagai sasaran perniagaan mereka.

Wanita hari ini berbeza dengan wanita pada masa dahulu. Tidak kira sama ada sebagai ibu, isteri atau sebagainya, mereka perlu pandai membahagikan masa,

wang dan kerja rumah. Senarai kerja wanita bertambah setiap masa. Oleh itu, 88% daripada mereka mendapati media komunikasi terutamanya internet amat menjimatkan masa, lebih-lebih lagi membolehkan mereka berurusan dengan bank dan membeli belah 24 jam sehari atau pada masa lapang yang mereka ada.

Lau Wee Boon (1998), dalam kajiannya, sikap masyarakat Malaysia terhadap MSC dan pengguna internet, menunjukkan bahawa keseluruhan subjek kajian menunjukkan sikap yang positif terhadap projek MSC. Tidak ada perbezaan sikap yang signifikan di kalangan pengguna internet di Malaysia terhadap MSC mengikut jantina, taraf pendidikan, umur, kawasan tempat bekerja dan industri yang diceburi.

3.3 Teori Yang Berkaitan Dengan Setiap Perubahan Yang Dilalui Masyarakat Di Malaysia Khususnya Surirumah.

Komunikasi sentiasa ada dalam kehidupan kita seharian. Kita tidak akan hidup tanpa komunikasi. Semua objek yang bernyawa pasti akan berusaha untuk berkomunikasi cuma kaedahnya sahaja yang berbeza. Teknik berkomunikasi adalah pelbagai.

Merujuk Kamus Dewan (1993), komunikasi memberi maksud sebagai perhubungan, secara langsung atau dengan perantaraan surat, radio, telefon dan lain-lain, bagi perkataan komunikasi. Menurut Jack G. McAuley (1979) pula, komunikasi boleh digunakan untuk membebaskan atau mengongkong, untuk mencipta atau memusnahkan, untuk membaiki mutu kehidupan di dunia ini atau untuk melenyapkannya. Manakala I. A Richards (1988) pula berpendapat bahawa komunikasi berlaku apabila suatu minda bertindak ke atas persekitarannya sehingga satu minda lain dipengaruhi, dan dalam minda yang satu lagi itu, satu pengalaman akan berlaku yang sama seperti pengalaman dalam minda pertama, dan yang sebahagiannya telah disebabkan oleh pengalaman tersebut.

Berbeza dengan para sarjanawan yang sering bertelagah bagi memberikan definisi yang tepat mengenai konsep komunikasi. Hal ini terbukti hasil penyelidikan Werner J. Severin dan James W. Tankard (1979: 8) bahawa Profesor F.E. X. Dance dari Universiti Wisconsin, menyatakan bahawa Milwaukee pernah mengumpulkan satu senarai yang mengandungi 98 definisi komunikasi. Justeru setiap pengertian konsep komunikasi itu memberikan impak kepada hasil penyelidikan para sarjanawan. Adapun bidang komunikasi itu merupakan cabang ilmu baru dalam dunia penyelidikan. Para sarjanawan terpaksa menghuraikan konsep komunikasi untuk fadah penyelidikan mereka sendiri. Oleh itu adalah memadai sekiranya kita mendefinisikan konsep komunikasi sebagai hubungan dua pihak, iaitu antara pemberi (sumber) dengan penerima. Hal bersesuaian dengan pendapat Ismail Jusoh (1990) yang mengatakan bahawa komunikasi ialah hubungan penutur dan

pendengar yang berlaku pada ketika dan latar tertentu.

Media massa merupakan alat utama perubahan sosial. Media massa memberi sumbangan yang tidak boleh dipisahkan kepada kehidupan psikologi dan politik masyarakat tradisional. Dalam era ini, maklumat merupakan satu komoditi penting. Maklumat di hasilkan, diagih dan diperalatkan seperti komoditi lain.

Kehangatan trend utama teknologi komunikasi pada hari ini ialah dengan kehadiran internet yang menarik semakin ramai khalayak untuk memilihnya. Keadaan ini telah meninggalkan impak yang ketara kepada organisasi media tradisional. Menurut kajian yang dijalankan oleh *Pew Research Centre* di Amerika Syarikat, walaupun pengguna internet tidak menurunkan kadar pembacaan surat khabar atau mendengar radio, tetapi ia memberi impak penurunan kepada selera masyarakat untuk membaca atau mendengar radio.

Tren pengguna internet ini juga telah mempengaruhi ramai suri rumah di Malaysia terutama golongan suri rumah yang tinggal di kawasan bandar dan mempunyai taraf pendidikan yang agak tinggi. Kebanyakan di antara mereka menggunakan internet sebagai sumber untuk mereka mendapatkan maklumat sehari-hari khususnya berita-berita terkini yang berlaku di sekitar mereka.

Teori merupakan satu formula untuk mengkaji satu kenyataan yang mengandungi konsep-konsep dan perkaitan di antaranya yang membolehkan seseorang itu memahami, menjelas, menerang, menilai, membuat ramalan dan membuat kawalan terhadap sesuatu fenomena, (Cragan dan Shields, 1998). Manakala Littlejohn (1996), pula berpendapat bahawa teori merupakan satu percubaan untuk menerangkan atau menjelaskan satu pengalaman, juga merupakan satu idea bagaimana sesuatu kejadian berlaku.

Nik Aziz Nik Pa (1999), menjelaskan bahawa dalam skop yang sempit, teori adalah merujuk penjelasan peribadi tentang cara untuk menangani atau bertindak terhadap maklumat dan peristiwa yang berlaku dalam kehidupan sehari-hari. Dalam skop yang luas pula, teori merujuk penjelasan yang bersifat menyatukan tentang fenomena yang kompleks.

Tujuan teori antara lain merumus dan menyusun pengetahuan yang sedia ada, membekalkan penjelasan sementara tentang peristiwa yang diperhatikan dengan mengenal pasti pembolehubah-pembolehubah yang tertentu, dan bagaimana pembolehubah tersebut saling berkait antara satu sama lain, bagi membolehkan ramalan dibuat tentang peristiwa yang belum diperhati, seterusnya merangsang perkembangan pengatahan baru dengan memberi cadangan untuk menjelaskan penyelidikan yang tertentu, Nik Aziz Nik Pa (1999).

Dengan adanya teori, maka dunia penyelidikan akan menjadi semakin rancak kerana semua pihak yang mengemukakan teori pasti mahu membuktikan kebenaran teori masing-masing. Keadaan ini sekaligus akan memastikan ilmu itu sentiasa berkembang. Logiknya para sarjana mahu membuktikan kehebatan teori masing-masing. Namun realiti kehidupan, yang hebat pastinya bertahan. Prinsip tersebut juga berlaku kepada teori. Teori yang sukar digugat kebenarannya pastinya akan bertahan. Dan, teori yang didapati kurang asas kebenarannya, pasti akan lenyap ditelan zaman.

Selain itu, teori juga membolehkan manusia untuk meramalkan fenomena atau peristiwa bagi memudahkan kita atau para penyelidik membuat jangkaan terhadap fenomena yang berlaku dalam kehidupan kita. Dengan adanya teori, kita dapat bersedia untuk menghadapi ancaman. Misalnya apabila dunia digemparkan khabar bahawa akan berlakunya pelanggaran komet Helle dengan matahari pada Februari 1986. Berdasarkan ramalan itu, para saintis dari Amerika, Eropah dan negara Rusia telah bergabung untuk menghantar lima misi angkasawan bagi memantau perkara tersebut. Begitu juga dengan kewujudan zon hitam di ruangan ozon yang berpunca daripada penggunaan gas *Chlorofluorocarbons* (CFC) yang berlebihan.

Dengan adanya teori, maka manusia dapat dididik untuk mengawal penggunaan gas berkenaan, bagi mengatasi permasalahan pemusnahan ozon terus berlaku yang pastinya akan memudaratkan penduduk planet bumi. Teori boleh juga kita tafsirkan sebagai kenyataan yang cuba menjelaskan atau menerangkan tentang suatu fenomena, dan

berdasarkan penyelidikan atau kajian yang dilakukan secara sistematis.

Secara umumnya, teori Komunikasi adalah pelbagai. Justeru, tidak ada penjelasan yang tepat untuk menerangkan maksud tersebut. Para sarjana sentiasa berdebat untuk menjelaskan definisi teori komunikasi. Teori komunikasi ialah satu perkataan atau istilah yang merupakan payung untuk semua perbincangan dan analisis yang dibuat secara berhati-hati, sistematik dan sedar tentang komunikasi. Teori komunikasi boleh dikonsepkan sebagai satu kajian untuk menerangkan satu fenomena dengan melibatkan hubungan dua pihak. Ini bersesuaian dengan pendapat Cragan & Shields, (1998) iaitu hubungan di antara konsep teoritikal yang membantu memberi, secara keseluruhan atau sebahagiannya, keterangan, penjelasan, penerangan, penilaian atau ramalan tindakbalas manusia berdasarkan komunikator berkomunikasi (bercakap, menulis, membaca, mendengar, menonton dan sebagainya) untuk jangkamasa tertentu melalui media (bahan perkembangan media).

Pelbagai definisi diberikan oleh para sarjanawan berhubung konsep teori komunikasi. Littlejohn (1996) mengatakan bahawa konteks komunikasi secara teorinya boleh dibahagikan mengikut kategori seperti komunikasi kesihatan, komunikasi perniagaan, komunikasi profesional dan komunikasi pengajaran. Disebabkan cabang komunikasi yang menerangkan aspek yang berbeza, maka metateori diperlukan untuk menerangkan maksud komunikasi mengikut kategorinya.

3.3.1 Teori Masyarakat Bermaklumat

Istilah masyarakat bermaklumat (*Information Society*) asalnya diperkenalkan di Jepun pada tahun 1960-an, walaupun secara salasilahnya ia merujuk kepada konsep masyarakat pasca industri (Ito,1981). Konsep masyarakat pasca industri mula diperkenalkan oleh pakar sosiologi, Daniel Bell (1973), sementara pakar ekonomi pula mendefinisikannya sebagai “*information*

economy", (Schement dan Curtis, 1995). Hasil kerja Bell merujuk kepada masyarakat tradisi masyarakat pasca industri boleh diperolehi dalam sektor perkhidmatan yang mempunyai hubungan dengan kegiatan pembuatan dan pertanian serta kerja yang berasaskan maklumat.

Kebanyakkan tinjauan yang dilihat bagi aliran masyarakat pasca industri ini semakin meningkat pada akhir abad ke 20-an. Pengeluaran dan pengedaran komunikasi teknologi maklumat kini telah menjadikan komputer sebagai keutamaan dalam sektor ekonomi. Walau bagaimanapun, konsep masyarakat bermaklumat ini tetap menimbulkan keraguan dan tidak dipersetujui oleh para sarjana lain terutama dari aspek kejelasan tentang masyarakat bermaklumat itu sendiri.

Melody (1990), menganggap masyarakat bermaklumat hanyalah sebuah masyarakat yang bergantung kepada rangkaian maklumat elektronik yang kompleks dan telah diperuntukkan sebagai sumber utama bagi ekuiti maklumat dan komunikasi.

Van Cuilenburg (1987), telah meletakkan ciri utama peningkatan dan pertumbuhan secara pesat dalam pengeluaran serta aliran maklumat yang pelbagai. ia mengakibatkan atau memberikan kesan yang besar dalam pengurangan kos perkomputeran. Pengurangan kos penyiaran dapat membantu pertumbuhan ekonomi yang pesat.

Van Djik (1999), pula memilih untuk menggunakan istilah *network society* dari menggunakan istilah masyarakat bermaklumat. Beliau juga telah mencadangkan bahawa masyarakat sekarang berada dalam proses untuk menjadi masyarakat berangkaian.

"... a from society increasingly organizing its relationship in media networks which are gradually replacing or complementing the social networks of face communication".

(Van Djik, 1999)

Konsep masyarakat bermaklumat ini diperkenalkan oleh pakar ekonomi dan sosial sebagai satu model dalam menghurai dan menggambarkan perubahan yang berlaku dalam masyarakat industri kepada masyarakat baru. Menurut Raymond Avon dan Ralf Dahrendorf, titik tolak atau asas teori ini mula di beri perhatian berdasarkan kepada perbincangan masyarakat industri di akhir tahun 1950-an oleh pakar sosiologi liberal yang cuba mencari persamaan di antara masyarakat kapitalis barat dengan masyarakat sosialis timur.

Daniel Bell (1973) dalam bukunya, *The Coming of Post-Industrial Society* telah mengenalpasti tiga tahap dalam sejarah perkembangan masyarakat iaitu:

- i) Masyarakat pra-industri
- ii) Masyarakat industri
- iii) Masyarakat pasca industri

Menurut Bell (1973), terdapat lima elemen penting dalam mengkategorikan masyarakat selepas industri iaitu:

- i) Penekanan sektor ekonomi telah beralih daripada pengeluaran barang kepada pengeluaran berbentuk maklumat dan perkhidmatan.
- ii) Peluang pekerjaan didominasikan oleh golongan profesional dan pakar bahagian teknikal.
- iii) Prinsip yang menjadi tunggak kepada teori pengetahuan merupakan sumber inovasi dan panduan dalam membuat polisi.

- iv) Orientasi masa hadapan ialah mengawal dan membuat penilaian terhadap perkembangan teknologi.
- v) Proses membuat keputusan bergantung kepada ciptaan teknologi yang bijak dan terkini.

Secara umumnya, teori ini menggabungkan tiga pernyataan iaitu:

- i) Sumber produktiviti dan pertumbuhan bergantung kepada pengwujudan pengetahuan yang dilanjutkan kepada aktiviti ekonomi melalui pemprosesan maklumat.
- ii) Aktiviti ekonomi akan berganjak daripada pengeluaran barang ke pembekalan perkhidmatan. Pelumpuhannya pekerjaan pertanian akan diikuti oleh pengurangan dalam pekerjaan pembuatan dan ini akan menjadikan pekerjaan perkhidmatan lebih penting. Lebih maju sesebuah ekonomi, lebih banyak pekerjaan dan pengeluarannya akan tertumpu kepada perkhidmatan.
- iii) Ekonomi baru akan meningkatkan kepentingan pekerjaan dan pengetahuan serta maklumat yang tinggi. Bidang pengurusan, profesional dan pekerjaan teknikal akan tumbuh dengan lebih cepat berbanding dengan pekerjaan lain dan ia akan menjadi pekerjaan utama dalam struktur sosial yang baru.

Teori ini menumpukan perbezaan di antara dua bentuk industri berasaskan pengetahuan, pertanian dengan pengeluaran perkhidmatan. Isunya, masyarakat akan berpengetahuan, bukan kerana mereka sesuai dalam satu model struktur masyarakat, tetapi kerana mereka menyusun sistem pengeluaran berpandukan prinsip memaksimumkan pengeluaran berasaskan pengetahuan, melalui pembangunan dan penggunaan teknologi maklumat. Selain itu, teori ini juga mengutarakan anjakan kepada industri perkhidmatan dan pengurangan dalam

pembuatan. Namun, ini dikritik sebagai andaian yang terlalu ringkas tanpa melihat hubungan di antara pembuatan dengan perkhidmatan. Justeru itu, ia mencadangkan industri perkhidmatan wujud dalam ekonomi yang berlainan dan sukar difahami. Seterusnya, teori ini juga menyentuh pengembangan pekerjaan yang berkait dengan pengetahuan contohnya pengurusan, profesional dan pekerjaan teknikal.

Dalam perkataan lain, Masyarakat Bermaklumat (*Information Society*) yang maju boleh mempunyai ciri-ciri pengasingan sosial yang semakin meningkat (Castell, 1996). Manakala menurut Bell (1973) pula, masyarakat selepas industri juga merupakan masyarakat bermaklumat.

3.3.2 Teori Kelakuan Manusia.

Surirumah pada hari ini adalah golongan yang rata-ratanya mempunyai tahap pendidikan yang agak baik terutama bagi yang tinggal di kawasan bandar. Walaupun tidak melakukan sebarang pekerjaan namun, mereka sentiasa peka dengan keadaan persekitaran yang sentiasa mengalami perubahan. Dengan itu, pihak MDC perlulah menjalankan kempen yang lebih giat untuk mendedahkan projek MSC ini kepada golongan surirumah ini.

Kecanggihan dunia hari ini banyak mendatangkan kesan kepada golongan surirumah. Ini bukan sahaja dapat dilihat daripada kemudahan dan teknologi baru yang di bawa masuk oleh projek MSC malah juga melaui perubahan sikap dan pengetahuan golongan surirumah melalui penggunaan teknologi baru tersebut.

Kajian mengenai perubahan tingkah laku menumpukan kepada bagaimana golongan ini mempelajari sesuatu maklumat tertentu melalui pengamatan dan pemikiran. Pengetahuan asas sangat penting dalam membantu pembentukan sikap yang positif, membolehkan keputusan yang kukuh di buat dan seterusnya

mempengaruhi perubahan tingkah laku seseorang individu itu.

Dalam model hirarki tradisional, perubahan tingkah laku mempunyai hubungan dengan perubahan pengetahuan, sikap dan amalan. Mengikut model ini, pengetahuann mendahului sikap dan seterusnya mempengaruhi amalan. Keadaan ini terbukti pengetahuan seseorang itu penting bagi meningkatkan lagi usaha penerapan teknologi MSC kepada golongan surumah.

Penerapan perlaksanaan MSC hanya akan dapat sambutan daripada penggunanya jika pengetahuan mengenainya disalurkan secara efektif. Penyaluran yang menyeluruh perlu dilakukan meliputi setiap lapisan umur, bangsa maupun taraf hidup. Ini kerana hanya melalui ilmu pengetahuan yang cukup barulah dapat membentuk perlakuan seseorang.

Dengan perlakuan positif dan penerimaan yang baik terhadap teknologi dan aplikasi MSC, barulah penggunaan terhadap teknologi tersebut di kalangan rakyat dapat dijadikan amalan dalam kehidupan mereka seharian. Teori ini walaupun agak lama dan bersifat tradisional, namun ianya masih lagi sesuai dan dapat diguna pakai dalam situasi penyerapan teknologi baru ini kepada golongan surumah.

Menurut Rogers dan Shomaker (1973) pula, terdapat tiga langkah dalam proses difusi inovasi (*diffusion of innovation*), seperti yang dapat disamakan berlaku dalam *Singapore One* kepada rakyat Singapura.

Pertamanya proses pengetahuan berlaku apabila individu didekah dengan kesedaran terhadap wujudnya inovasi dan kefahaman bagaimana hendak digunakan. Pendedahan inovasi baru seperti MSC perlu dilakukan agar tidak berlaku kekeliruan dan keraguan terhadap teknologi baru tersebut. Aktiviti-aktiviti dan usaha pengenalan MSC adalah dikategorikan dalam tahap pertama ini iaitu kesedaran mengenai inovasi.

Keduanya, proses pemujukan berlaku apabila sikap individu dibentuk untuk menyokong atau tidak sesuatu inovasi. Proses pemujukan ini dapat dilihat dilakukan oleh kerajaan Malaysia dengan mengadakan pelbagai kajian kesedaran dan salah satu kajiannya ialah kajian yang sedang di jalankan oleh pengkaji ini terhadap golongan rakyat terutama golongan sasaran pengkaji iaitu golongan surirumah dan mengadakan promosi berterusan di media, kelas percuma dan kempen awam. Proses pemujukan adalah tahap yang kritikal dan penting terutamanya bagi penerapan teknologi MSC kerana jika proses ini gagal mendapat sambutan ramai, sesuatu inovasi tidak dapat diserapkan dengan menyeluruh.

Kejayaan inovasi MSC bergantung penuh kepada penyertaan pengguna, maka proses pemujukan harus dilakukan dengan teliti. Promosi-promosi dan faedah kepada pengguna harus banyak dilakukan demi menarik minat yang lebih di kalangan masyarakat.

Ketiganya, proses keputusan berlaku apabila individu terlibat dalam aktiviti yang menyebabkan penerimaan atau penolakan terhadap inovasi manakala yang keempat adalah proses pengesahan berlaku apabila peneguhan terhadap keputusan tentang inovasi yang telah diambil.

Tahap kejayaan MSC diukur melalui penerimaan atau penolakan rakyat terhadap inovasi MSC. Kedua-dua teori (*Knowledge, Attitude, Practise, dan Diffusion of Innovation*) memberi gambaran bagaimana pendekatan yang digunakan dalam memperkenalkan teknologi MSC kepada rakyat. Dalam konteks ini, pengguna ataupun audiens MSC mempunyai kuasa besar dalam menentukan kejayaan jaringan tersebut.

Menurut Chaffee dan Roser (1986), situasi penglibatan penting untuk melihat kesan komunikasi ke atas perubahan tingkah laku. Peningkatan dalam penyaluran maklumat dan jaringan MSC akan membawa kepada peningkatan

dalam pengetahuan tentang sesuatu inovasi. Namun begitu kesan negatif akan berlaku jika lebih banyak maklumat diperolehi oleh semua kumpulan individu berbanding kumpulan yang lain.

Peningkatan maklumat dalam sistem sosial membolehkan golongan yang mempunyai taraf sosio-ekonomi yang tinggi mendapat lebih banyak pengetahuan daripada golongan yang mempunyai taraf sosio-ekonomi yang lebih rendah (McQuail dan Windahl 1993:122). Maklumat dan pengetahuan yang tidak seimbangan akan membawa kepada wujudnya jurang pengetahuan dan tingkah laku. Oleh itu adalah wajar pengkaji menjalankan kajian kesedaran MSC di kalangan surirumah ini yang meliputi kawasan bandar dan juga luar bandar. Ini bertujuan untuk membolehkan perbandingan secara teliti dapat dilihat dan seterusnya usaha-usaha untuk mengatasi jurang ini dapat diambil dengan segera.

Ciri-ciri individu dan masyarakat juga membawa kepada jurang pengetahuan yang seterusnya membawa kepada perubahan sikap. Hornick (1989) telah mengkaji jurang pengetahuan dan tingkah laku dalam kempen maklumat awam dan mendapati bahawa lima faktor yang mempengaruhi adalah ciri-ciri individu, masyarakat, pengaruh sosial masyarakat, ciri-ciri pembelajaran individu dan ciri-ciri pertahanan individu.

3.3.3 Teori Sosial Reruang dan Teori Pergerakan Ruang

Ruang merupakan luahan masyarakat. Memandangkan masyarakat sedang mengalami perubahan struktur, bentuk dan proses reruang baru akan muncul. Ruang bukanlah cerminan masyarakat tetapi luahan masyarakat. Justeru itu, ruang tersebut merupakan masyarakat. Menurut teori sosial, ruang adalah bahan sokongan tindakan sosial yang berdimensikan masa, membawa simbol tertentu. Masyarakat terbentuk melalui aliran modal, aliran maklumat, aliran teknologi, aliran interaksi

organisasi, aliran imej, suara dan simbol. Aliran tersebut bukan hanya salah satu elemen organisasi sosial, ia adalah luahan proses dominasi ekonomi, politik dan simbolik terhadap kita. Justeru itu, wujudlah satu bentuk ruang baru yang membawa ciri-ciri tindakan sosial yang akan menentukan masyarakat rangkaian maklumat. Ruang yang dimaksudkan adalah ruang aliran yang membolehkan sesuatu aliran maklumat di sampaikan kepada khalayak masyarakat terutama skop kajian pengkaji iaitu responden yang terdiri daripada golongan surirumah, (Castells, 1996).

3.4 Peranan Yang Diambil Kerajaan Untuk Menyedarkan Kewujudkan IT Dan MSC Di Malaysia.

Kerajaan Malaysia telah mewujudkan beberapa inisiatif untuk mengubah ekonominya daripada ekonomi berasaskan pertanian kepada ekonomi berasaskan produktiviti. Pendorong kepada aktiviti ini ialah inisiatif pengenalan teknologi maklumat (IT) baru yang secara kolektifnya disebut sebagai Koridor Raya Multimedia (MSC). Tidak perlu diperkatakan lagi bahawa anjakan paradigma yang baru ini memerlukan ramuan yang sungguh penting untuk menjadikannya satu kejayaan.

Usaha untuk menerapkan penggunaan IT keseluruh pelosok negara memerlukan kesungguhan serta perubahan menyeluruh yang boleh di terima sebaik-baiknya oleh segenap lapisan masyarakat di negara ini. Usaha-usaha penerapan minat terhadap IT ini harus dilakukan oleh pihak-pihak kerajaan dan juga swasta. Antara langkah yang perlu di lakukan untuk menyedarkan kewujudan MSC di Malaysia terutamanya bagi golongan surirumah ialah:

3.4.1 Memperkembangkan industri IT.

Langkah kerajaan mengembangkan industri IT di negara menerusi agensi kerajaan ataupun swasta adalah satu langkah yang amat bertepatan dengan situasi negara pada hari ini yang sedang menuju ke negara elektronik.

Terdapat beberapa sektor utama yang telah di bina untuk mengembangkan IT di negara kita seperti sektor pembinaan, pendidikan, perpustakaan digital, kesihatan, media baru dan internet, perkhidmatan awam dan pelancongan. Kesemua sektor ini ternyata telah memudahkan masyarakat serta golongan surirumah untuk berurusan tanpa perlu keluar rumah. Ianya juga menjimatkan kos perbelanjaan dan masa.

3.4.2 Membangunkan 7 flagship MSC.

Kerajaan telah dan masih bekerjasama dengan industri IT untuk membangunkan 7 flagship Perdana MSC dengan menggabungkan beberapa aplikasi strategik dari pelbagai pihak. Pembangunan ini sedang giat dilaksanakan menerusi pendidikan, kesihatan, pelancongan, perbankan, perkhidmatan awam dan sebagainya. Sehingga kini pihak MDC telah banyak melaksanakan projek-projek mereka dengan menerapkan aplikasi IT di sekolah, perpustakaan, kesihatan dan lain-lain lagi.

3.4.3 Mengembangkan lagi infrastruktur maklumat.

Bagi tujuan ini kerajaan telah mengambil beberapa inisiatif dengan mengambil pakar-pakar dari luar untuk mengembangkan infrastruktur maklumat negara. Selain itu, negara juga menghantar lebih ramai lagi rakyat tempatan untuk mempelajari tentang teknologi maklumat di luar negara.

Kerajaan dan juga pihak-pihak swasta yang lain juga turut giat menujuhkan pelbagai institusi, seminar, bengkel dan sebagainya untuk melahirkan lebih ramai lagi generasi hari ini yang mempunyai lebih kepakaran tentang teknologi maklumat.

3.4.4 Mempergiat proses promosi tentang Budaya IT.

Matlamat utama promosi ini adalah untuk membawa IT dan MSC kepada seluruh rakyat di Malaysia agar setiap rakyat dapat mempelajari, mendalami dan seterusnya memanfaatkan setiap aplikasi yang terdapat dalam projek MSC ini.

Kumpulan sasaran projek ini adalah pelajar, kakitangan kerajaan dan swasta serta golongan surirumah menerusi program-program yang komprehensif serta kempen dan promosi yang telah dirancang dengan teliti untuk memperbaiki kadar cekik IT di negara kita. Antaranya dengan mengadakan pameran, kempen di

media, *roadshow* dan lain-lain lagi.

Kempen satu rumah satu komputer yang telah dilancarkan adalah satu inisiatif kerajaan dalam merealisasikan matlamat penuhuan projek mega ini. Ia bertujuan untuk menyatakan bahawa betapa pentingnya mempunyai jaringan internet di setiap rumah untuk mendapatkan akses teknologi moden pada hari ini.

Dengan ini setiap surirumah juga boleh memanfaatkan peluang ini dengan melayari internet untuk mendapatkan info kesihatan bagi seisi keluarga serta bahan-bahan terkini untuk proses pembelajaran anak-anak.

3.4.5 Meningkatkan peluang pekerjaan.

Untuk mencapai status negara maju, salah satu strategi yang dilaksanakan kerajaan ialah dengan membabitkan pembangunan aset negara yang paling utama iaitu asas sumber manusia. Yip (1997) menekankan bahawa pembangunan sumber manusia merupakan salah satu komponen bersepadu dalam pembangunan negara Malaysia. Oleh sebab pencapaian objektif sosioekonomi bergantung kepada ketersediaan tenaga kerja yang berpendidikan, mahir dan terlatih.

Dengan perlaksanaan MSC dan pengaplikasian teknologi IT dalam semua sektor, peluang pekerjaan akan bertambah terutamanya di bidang sains dan teknologi. Ini bukan sahaja memberi pendedahan secara penuh kepada tenaga kerja manusia, malah mengurangkan tenaga buruh dengan penggunaan teknologi automatik secara menyeluruh di negara kita.

Jabatan Statistik (1997) juga menunjukkan bahawa jumlah pekerjaan bagi tahun 1997 adalah 8.442 juta dengan kumpulan pekerja profesional, teknikal dan yang berkaitan dengannya mewakili kira-kira 10% manakala kumpulan pekerjaan pentadbiran dan pengurusan adalah 3.6%.

Dengan penambahan yang pesat dalam pelaburan IT, sejumlah 27,147

pekerja berkaitan IT diperlukan sepanjang tempoh Rancangan Malaysia Keenam (RM6). Kemahiran yang diperlukan tertumpu dalam bidang pembangunan dan kejuruteraan sistem, pengurusan operasi, perundingan, latihan, R&D, pembangunan perisian dan pengurusan pangkalan data.

Melalui dapatan penyelidikan mereka, Hashim et al (1995) melaporkan bahawa permintaan bagi tenaga manusia IT di Semenanjung Malaysia sahaja dianggarkan akan mengalami pertumbuhan tahunan sebanyak 21.6% sehingga tahun 2000.

Selain itu, golongan surirumah juga boleh merebut peluang ini dengan menceburkan diri melalui kerja-kerja seperti pembinaan laman web, jualan langsung melalui on-line dan sebagainya. Ini secara langsung mewujudkan peluang pekerjaan kepada golongan surirumah.

3.4.6 Mengeksplorasi IT di setiap kehidupan seharian manusia.

Melalui teknologi maklumat segala tugas menjadi lebih efisyen dan hanya mengambil masa yang singkat sahaja. Keadaan ini telah menambahkan masa luang masyarakat untuk lebih bersama keluarga serta teman-teman. Ini dapat dicapai menerusi transaksi elektronik dengan pelbagai agensi awam dan swasta seperti membayar bil, menghantar permohonan, berbelanja dan berkomunikasi dengan orang lain dari serata tempat. Selain itu, masyarakat juga boleh mendapatkan sesuatu berita secara on-line sahaja tanpa perlu membeli akhbar.

3.4.7 Mengeksplorasi IT dalam sektor kerajaan.

Untuk merealisasikan matlamat agar semua kakitangan kerajaan mahir dalam semua aplikasi IT, pelbagai kursus seharusnya dilakukan dari masa ke masa untuk memahirkan golongan ini. IT dalam sektor kerajaan adalah amat penting kerana ianya secara tidak langsung dapat mempercepatkan segala urusan kerajaan

terutamanya yang berkaitan dengan orang ramai seperti pihak Jabatan Pengangkutan Jalan (JPJ), hospital, bahagian pendidikan dan sebagainya.

Di Malaysia, melalui projek MSC ini beberapa inisiatif untuk meningkatkan kualiti perkhidmatan kerajaan antaranya seperti e-kerajaan, manakala untuk meningkatkan perkhidmatan kesihatan kebangsaan Malaysia, MSC telah melancarkan *tele-health* dan turut melancarkan Sekolah Bestari yang bertujuan untuk meningkatkan sistem pendidikan kebangsaan.

Di samping itu, terdapat juga organisasi usaha menyeragamkan IT untuk kerajaan yang di lakukan termasuklah perisian awam kelas untuk masyarakat, perkhidmatan sistem pembayaran elektronik, kad pintar (*my card*) di sektor awam yang berfungsi sebagai kad akses, kad tunai dan kad pengenalan serta jaringan internet kerajaan yang merupakan pelayan web dalaman yang boleh diakses oleh pekerja kerajaan.

Satu lagi usaha yang di lakukan untuk meningkatkan akses adalah dengan menyediakan perkhidmatan elektronik di pelbagai saluran seperti internet di kaunter kerajaan.

3.4.8 Penggunaan IT dalam sektor swasta.

Idea sebenar bagi langkah ini adalah untuk memangkin sektor swasta dalam penggunaan IT. Ini dijalankan dalam tiga langkah iaitu penyediaan bantuan teknikal, kewangan dan pendidikan kepada langkah mengkomputerkan perusahaan tempatan, menerapkan pemahaman, penghargaan IT di kalangan pengusaha tempatan melalui seminar, pameran dan penerbitan dan dengan memberi pengiktirafan kepada organisasi yang telah berjaya dalam mengeksplotasi IT untuk berdaya saing.

3.4.9 Mengeksplorasi IT dalam sektor pendidikan.

Penubuhan Sekolah Bestari yang bermula pada 1 Januari 1999 adalah salah satu daripada usaha MSC dalam melahirkan generasi pada masa akan datang yang lebih mahir dalam sektor IT. Sekolah Bestari yang dibangunkan oleh Kementerian Pendidikan dan Perbadanan Pembangunan Multimedia (MDC) ini adalah satu projek di mana beberapa buah sekolah yang terpilih sebagai Sekolah Bestari akan dibekalkan dengan akses on-line yang memuatkan perisian pembelajaran, internet dan multimedia. Di sini para pelajar akan diajar untuk memahirkan mereka dalam bidang IT.

Di sekolah ini para pelajar akan diajar tentang perisian komputer, menghasilkan laman web dan lain-lain lagi. Menerusi perkembangan Sekolah Bestari, tenaga kerja di Malaysia amat berharap untuk menerima kemasukan pekerja baru yang lebih kreatif dan inovatif dalam pemikiran mereka, mahir dengan teknologi baru dan dapat mencapai serta mengurus ledakan maklumat.

“Masyarakat ilmu” memerlukan cara yang baru dan lebih baik bagi pembelajaran dan pendidikan sementara mengambil kira kemajuan teknologi. Justeru, matlamat Sekolah Bestari bukan sekadar membina infrastruktur semasa menyokong pertumbuhan MSC tetapi menyediakan masyarakat bagi era maklumat. (MDC, 1997b; Mohd Najib, 1998).

Untuk mencapai objektif ini, semua sekolah perlu dilengkapsan dengan komputer peribadi (PC) dan disambungkan dengan internet. Dasar dan strategi pendidikan telah digariskan untuk mengawal penubuhan Sekolah Bestari di seluruh negara. Dijangkakan bahawa sekolah dapat disambungkan dengan internet menjelang tahun 2000.

3.4.10 Eksplotasi IT di setiap kediaman.

Usaha kerajaan untuk memastikan setiap rumah mempunyai satu komputer adalah antara langkah dalam menuju ke arah perkembangan IT di Malaysia seiring dengan pembangunan projek MSC. Oleh itu setiap rumah seharusnya dilengkapi dengan kemudahan internet agar setiap maklumat dapat disalurkan dengan cepat dan berkesan.

3.5 Pengaruh Dan Kesan Teknologi Maklumat Kepada Surirumah

Perkembangan teknologi pada hari ini sememangnya telah banyak mempengaruhi setiap aspek kehidupan golongan surirumah terutamanya yang berada di kawasan bandar dan golongan surirumah yang mempunyai taraf pendidikan yang agak tinggi. Antara pengaruh dan kesan teknologi maklumat ini ialah dari aspek:

3.5.1 Penggunaan komputer dalam pengajaran

Komputer boleh direkabentuk supaya ia dapat membantu pelajar secara individu dan secara berkumpulan. Ini dapat dijalankan dengan menggunakan Arahan Program, pelajar akan diajar mengikut kadar dan tahap yang boleh diterima oleh mereka. Ini adalah penting supaya pelajar tidak tercicir dan putus asa. Merujuk kepada sistem pendidikan konvensional, kesemua pelajar terpaksa mengikuti sistem yang berlangsung tanpa mengambil kira samada mereka dapat mengikuti pelajaran tersebut. Justeru itu, arahan program dapat memberi peluang terutamanya kepada golongan pelajar "lemah" untuk membaiki kelemahan dia.

Dalam arahan program ini, pelajar akan mengikuti langkah-langkah tertentu dalam pembelajaran. Langkah tersebut akan diteruskan asalkan pelajar dapat memberi jawapan yang sesuai dan boleh diterima. Namun sekiranya jawapan tersebut tidak memuaskan, dia akan dipandu kepada langkah terdahulu dan ditunjukkan bahan rujukan yang berkaitan bagi memperbaiki kelemahan tersebut.

Pengajaran sedemikian biasanya tidak dijalankan di dalam kelas yang terdiri daripada ramai pelajar, tambahan pula pelajar Asia yang kurang bertanya akan memburukkan lagi proses pembelajaran pelajar.

Selain itu, pendidikan jarak jauh dibolehkan dengan wujudnya rangkaian pendidikan yang lengkap. Tren semasa semakin menampakkan masa depan pengajaran dengan cara jarak jauh tetapi ini tidak bermakna pendidikan

konvensional perlu dihapuskan sama sekali. Sesetengah daripadanya perlu dikekalkan bagi membolehkan pelajar membelaJari kemahiran tertentu yang tidak boleh diperolehi melalui teknologi maklumat. Contohnya cara persempahan menggunakan komputer amat berbeza dengan cara konvensional. Namun kita tidak harus bergantung sepenuhnya kepada komputer dan melahirkan golongan yang tidak mampu berinteraksi tanpa komputer.

Namun dengan wujudnya rangkaian maklumat yang membolehkan pelajar memberi pandangan dan maklum balas secara rawak dan dengan cepat maka penyertaan tersebut akan mempunyai kadar yang lebih tinggi. Alasan seperti tidak dapat berjumpa dengan pensyarah akan dihapuskan sama sekali memandangkan faktor masa dalam rangkaian maklumat tidak sama dengan masa sebenar.

Menurut teori pergerakan ruang, ruang aliran akan menentukan masyarakat rangkaian maklumat. Segala maklumat yang disalurkan merupakan penyebab yang secara kumulatif menjanaJkan ruang tersebut. Aktiviti menghantar dan menerima maklumat tersebut merupakan tindakan sosial yang dibawa dalam ruang aliran. Asalkan seseorang peka terhadap rangkaian tersebut, segala maklumat dan maklum balas akan dapat disampaikan mahupun diterima.

Di samping itu, golongan surirumah yang mempunyai cita-cita yang tinggi untuk melanjutkan pelajaran keperingkat yang lebih tinggi juga berpeluang untuk menggunakan kesempatan ini. Mereka boleh mempelajari apa jua bidang yang digemari hanya dari rumah sahaja tanpa perlu ke kuliah atau menghadiri sebarang kelas. Keadaan ini tentunya tidak akan menjaskan kerja-kerja sehariJn.

Justeru itu, sistem pendidikan perlu membekalkan kemahiran interaksi asas pada awal persekolahan dan menggunakan teknologi maklumat pada masa yang sama. Dengan itu, pelajar mempunyai kemahiran lebihan dan pilihan untuk

menggunakan teknologi maklumat atau cara konvensional sesuai dengan keadaan tertentu.

3.5.2 Bidang perubatan

10 daripada 100 orang adalah cacat. Di Amerika Syarikat, 20 juta orang cacat mengalami halangan dalam kehidupan harian mereka (Meyer, 1999). Bagi golongan ini, teknologi maklumat terutamanya komputer memainkan peranan yang penting dalam memberi kebebasan kepada mereka. Contohnya kewujudan program yang berupaya membaca teks dapat membantu orang buta berkomunikasi tanpa bantuan keluarga, rakan-rakan dan pekerja lain atau mesin rekod suara.

Selain itu, komputer juga memberi peluang sosial baru kepada orang cacat melalui penggunaan internet, irc serta icq dan lain-lain program. Mereka tidak perlu pergi ke kawasan bandar untuk bertemu atau berkenalan. Mereka juga tidak perlu melalui pengalaman pahit di dalam bandar yang tidak direka untuk mereka.

Di samping itu, terdapat rangkaian yang dikhaskan untuk mereka berkenalan dan bergaul dengan golongan yang sama di mana sebelum ini tiada saluran yang begini mudah. Mesyuarat boleh dijalankan bila-bila masa asalkan seseorang mempunyai talian telefon, komputer serta modem.

Dalam keadaan tertentu, pesakit sebenarnya tidak perlu berjumpa dengan doktor. Ini adalah kerana dalam kebanyakan kes, doktor cuma memeriksa pesakit melalui sintom yang diberitahu oleh pesakit sendiri. Justeru itu, suatu program yang menyeluruh dan sentiasa diperbaiki adalah memadai untuk menggantikan tugas sedemikian. Britain telah menggunakan sistem sedemikian untuk mengurangkan beban doktor (Laver, 1989). Doktor seharusnya menumpukan

perhatian dalam kes yang serius yang mana pesakit tidak dapat memeriksa sebarang sintom.

Keadaan ini tentunya dapat memberi peluang yang lebih baik kepada golongan surirumah yang sentiasa sibuk dan tidak mempunyai kemudahan pengangkutan untuk membawa mereka ke klinik-klinik atau hospital bagi mendapatkan rawatan. Dengan hanya melalui tele-health mereka dapat mengenalpasti jenis penyakit dan sekaligus terus mendapat rawatan.

Namun kesahihan sistem sedemikian akan sentiasa dipertikaikan akibat faktor-faktor keselamatan, kepercayaan, psikologi dan sebagainya. Selain itu, kos pelaksanaan sistem sedemikian juga amat tinggi kerana ia perlu sentiasa dinaik taraf dan dinilai bagi memberikan tahap ketepatan dan kepercayaan yang tinggi. Di samping itu, pelaksanaan sistem sedemikian akan menggugat kesenangan golongan buta huruf untuk mendapatkan rawatan biasa memandangkan sistem tersebut cenderung mengurangkan atau menggantikan peranan klinik. Justeru itu, timbul pendapat bahawa ia hanya sesuai untuk tujuan farmasi sahaja di mana pesakit telah diberikan diskripsi ubat; dan menggunakan tele-perubatan cuma untuk mendapatkan ubat tersebut.

Walau bagaimanapun, penggunaan *Smart Card* akan melengkapkan lagi sistem tersebut memandangkan kesemua maklumat peribadi pesakit termasuk sejarah perubatan telah dikodkan. Namun kita tidak harus melihat bidang perubatan ditukarkan kepada sejenis industri. Perubatan sebagai perindustrian akan mencetuskan kesan mental yang buruk terhadap pesakit. Pesakit sebenarnya telah dibebankan dengan persekitaran hospital yang dipenuhi dengan pesakit-pesakit lain. Justeru itu, penggunaan teknologi yang keterlaluan akan menyebabkan hubungan doktor pesakit hilang, ini akan menjanakan keadaan yang tidak menggalakkan dalam kes kesihatan yang serius.

3.5.3 Seni dan hiburan

a) Digital

Dewasa ini, semakin banyak bahan-bahan ditukarkan kepada bit-bit dalam komputer. Penukaran ini akan mencetuskan perubahan yang besar dalam penggunaan ruang di bandar. Misalnya penduduk bandar tidak perlu berada di sesuatu lokasi tetapi dapat merasai situasi tersebut melalui internet. Kes yang sama berlaku terhadap perpustakaan, apabila lebih banyak teks ditukarkan dalam bentuk bit. Pelajar atau penduduk tidak perlu sampai ke perpustakaan untuk mendapatkan bahan rujukan tersebut.

Oleh itu, ramai suri rumah hari ini tidak perlu keluar semata-mata untuk mendapatkan pengetahuan. Hanya duduk di rumah sahaja mereka sudah mampu mendapat apa jua maklumat. Ini tidak terhad kepada suri rumah di kawasan bandar, malah suri rumah di kawasan luar bandar juga mampu menikmati peluang ini. Penduduk bandar juga tidak semestinya pergi ke panggung wayang atau muzium untuk melihat filem atau khazanah negara. Kesemua ini memberi impak terhadap perancangan gunatanah kawasan bandar. Kesan langsung daripadanya adalah pengurangan dalam isipadu lalulintas yang disebabkan oleh aktiviti tersebut. Ini akan mengagihkan tanah bagi tujuan yang lain misalnya kawasan hijau atau taman-taman yang tidak dapat digantikan oleh teknologi maklumat.

Namun harus diingati bahawa dengan menukarkan bahan-bahan kepada bit-bit. Masalah cetak rompak akan lagi berleluasa. Bahan-bahan yang didigitkan kemungkinan besar akan menjadi tidak berharga. Ini adalah kerana ia boleh disalin dan dikeluarkan semula berkali-kali, berbeza dengan bahan-bahan sebenar yang akan berkurangan kuantitinya apabila digunakan.

b) Dunia maya

Ia adalah satu sistem yang mensimulasikan alam nyata (*reality*). Alam nyata ditayangkan dalam bentuk imej, dalam dunia yang kelihatan seperti dunia nyata. Pengalaman dalam dunia maya bukan hanya menerusi skrin imej tetapi ia sendiri menjadi pengalaman kepada mereka yang berada di dalamnya (Castells, 1999). Kewujudan dunia maya akan membawa perubahan tertentu dalam cara hidup di bandar. Memandangkan ia begitu benar dan kadangkala dapat memuatkan ciri-ciri idealisme yang tidak terdapat dalam dunia nyata. Ia merupakan satu ruang yang membolehkan penduduk membuat pilihan samada hendak memilih dunia maya atau dunia nyata untuk menjalankan aktiviti tertentu.

Contohnya seseorang yang ingin keluar bersiar-siar di bandar boleh memilih bandar nyata atau bandar maya. Bagi mereka yang ingin melihat bandar sebagai utopia maka dunia maya mampu memberi satu bandar sedemikian.

Namun penggunaan dunia maya bukan hanya terhad kepada hiburan sahaja. Ia menjadi medan ujian bagi percubaan pengalaman yang seakan-akan benar. Misalnya ujian memandu kenderaan boleh dijalankan di dalam sebuah bilik tanpa menggunakan jalanraya sebenar. Dari segi perancangan pula, model-model boleh dihasilkan untuk menguji kesan perancangan terhadap sesebuah bandar. Seseorang boleh mencuba pengalaman di dalam bandar tersebut sebelum pelan susun atur diluluskan. Ini akan menambahkan lagi penilaian pelan tersebut.

3.5.4 Rekreasi

Dengan wujudnya teknologi maklumat yang membolehkan pemindahan maklumat dengan cepat dan tepat, kebanyakan pekerjaan boleh dijalankan di rumah. Ini bermakna waktu kerja yang lebih bebas serta pendek. Ini adalah kerana seseorang tidak perlu meluangkan masa untuk pergi ke pejabat, tersesak atas

jalanraya, makan di luar dan sebagainya. Kesannya masa rekreasi penduduk akan bertambah dan ini akan mempengaruhi penawaran jenis perkhidmatan pada masa depan.

3.4.5 Perdagangan dan perindustrian

Perdagangan elektronik ditakrifkan sebagai penggunaan telekomunikasi atau rangkaian yang luas untuk melaksanakan pemindahan kewangan. Menjelang tahun 2001, gedung membeli-belah berangkai (*online shopping*) dijangka akan menarik antara \$3.5 hingga \$6 juta di Amerika Syarikat (Meyer, 1999). Di Malaysia, gedung-gedung seperti Parkson, Sapura, 3Comm dan Biz.st telah menawarkan khidmat beli-belah berangkai. Rasionalnya adalah kadar penggunaan internet yang tinggi akan menggalakkan penawaran sedemikian. Pada tahun 1994, terdapat lebih kurang 500,000 pengguna yang berdaftar dengan Jaring dan TmNet (Star, 31 Julai 1999).

Dengan berkembangnya perkhidmatan sedemikian pada masa depan, pengguna tidak perlu melangkah keluar dari rumah untuk membeli-belah. Di samping itu, mereka boleh membeli-belah 24 jam sehari tanpa gangguan kesesakan, cuaca dan jurujual yang membosankan. Selain itu, lokasi juga tidak menjadi masalah kerana perkhidmatan yang dibekalkan akan menjamin pembelian tersebut dijalankan dengan senang. Halangan yang wujud cumalah kos penghantaran yang mahal bagi lokasi yang jauh. Ini ternyata memudahkan lagi urusan jual beli golongan surirumah

Selain daripada aktiviti membeli-belah, rangkaian teknologi maklumat juga membolehkan aktiviti perbankan dan pasaran dijalankan. Ini akan memberi pengaruh yang besar ke atas guna tanah kawasan perdagangan pusat. Dewasa ini, aktiviti tersebut sentiasa berkait dengan kesesakan di lokasi perletakan bank atau

bursa saham. Namun dengan adanya rangkaian maklumat yang membolehkan aktiviti tersebut dijalankan dengan selamat maka penduduk bandar dengan sukarela akan memilih rangkaian tersebut berbanding dengan cara konvensional yang tidak berkesan serta membazirkan masa dan tenaga.

Di samping itu, surat elektronik yang semakin tinggi kadar penggunaannya akan memberi pengaruh terhadap perkhidmatan pos serta sistem pengangkutan yang bersabit dengannya. Ia juga mengurangkan penggunaan kertas dan sampul surat. Ini merupakan satu langkah baik ke arah kemampunan hutan di dunia.

Sejak adanya MSC, Malaysia telah dilihat sebagai penggerak inisiatif IT di rantau sebelah sini dan sebuah paradigma ekonomi digital baru. Malah dengan rangka kerja yang lengkap dan teratur segalanya kelihatan jelas dan nyata bagi semua penduduk dunia tentang apa itu MSC.

E-dagang dan berita berasaskan Internet muncul hampir setiap hari di dada-dada akhbar. Malah anjakan itu telah berubah kepada sebuah semangat yang membara terutamanya di seluruh Asia. Selain daripada MSC terdapat inisiatif lain yang serupa iaitu *Singapore One* dan *Hong Kong Digital Port*. Dengan itu terdapat pelbagai peluang di Asia terutamanya untuk memainkan peranan utama dalam ekonomi digital.

Nampaknya anjakan dan semangat sahaja tidak mencukupi kerana persoalannya adakah minda rakyat Malaysia bersedia untuk menerima dan mencapai paradigma baru itu. Terdapat ramai individu yang berkata tentang era maklumat tetapi tidak benar-benar faham apa yang sedang berlaku dan bagaimana hendak melakukannya. Ini berlaku terutamanya di kalangan ahli politik negara ini. Adalah sedih untuk melihat wawasan IT tersebut dicemari oleh ketidakfahaman wawasan itu sendiri.